

Isu Felda: Anak persoal kembali pelantikan Isa Samad
The Malaysian Insider
28 Disember , 2011
Oleh Lisa J. Ariffin

KUALA LUMPUR, 28 Dis — Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK), Mazlan Aliman, hari ini mengemukakan satu lagi aduan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berhubung pelantikan Tan Sri Isa Samad sebagai Pengerusi Koperasi Permodalan Felda Berhad (KPFB).

Mazlan (gambar) berkata, aduan itu dibuat kerana pertubuhan berkenaan tidak berpuas hati dengan penjelasan SKM sebelum ini, berhubung pelantikan tersebut.

“Kita minta satu pendirian daripada SKM sama ada Isa benar-benar ahli koperasi Felda,” katanya kepada pemberita ketika sidang media selepas menghantar aduan berkenaan di pejabat SKM, di sini.

Menurut Mazlan, yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa kerja PAS Pusat, penjelasan SKM didakwa bercanggah dengan surat Perdana Menteri bertarikh 15 Ogos yang menyatakan bahawa Isa merupakan Pengerusi KPFB.

“Jawapan yang diberikan SKM dalam satu surat bertarikh 10 November lalu menunjukkan Isa belum disahkan sebagai pengerusi KPFB.

“Malah, surat SKM itu juga tidak menyebut mengenai status keahlian bekas Menteri Besar Negeri Sembilan itu sebagai ahli KPF,” kata Mazlan lagi.

“Hal ini jelas menunjukkan percanggahan. Mana satu yang betul, Perdana Menteri atau SKM?” soalnya.

Tambahnya, pelantikan Isa menimbulkan perasaan kurang senang dan bertentangan dengan undang-undang KPF yang menyatakan hanya peneroka, keluarga, dan kakitangan tetap Felda sahaja yang boleh dilantik menjadi ahli.

“Tolong hormati undang-undang, jangan libatkan kepentingan parti politik kerana kami pasti ahli politik mempunyai agenda mereka tersendiri,” tegasnya dan menuntut SKM membuat keputusan yang jelas sekiranya mahu dihormati sebagai agensi kerajaan yang telus.

Menurutnya lagi, penjelasan itu perlu memandangkan pelantikan Pengerusi KPF mempunyai kaitan dengan penyenaian satu lagi anak syarikat Felda, Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd ke Bursa Malaysia.

Anak sebelum ini telah membuat aduan pertama kepada SKM atas pelantikan Isa sebagai Pengerusi KPF pada Oktober lalu.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-felda-anak-persoal-kembali-pelantikan-isa-samad/>